



Asma (dua dari kanan) bersama-sama dua lagi penerima Anugerah Golden Star Academic and Educational Excellence 2013.

Naib canselor USIM - terima anugerah

Putrajaya: Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Datuk Dr Asma Ismail dipilih sebagai penerima Anugerah Golden Star Academic and Educational Excellence 2013.

Anugerah disampaikan bersempena dengan World Marketing Summit 2013 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, baru-baru ini.

Beliau bersama-sama empat penerima lain dari Namibia, Oman, Qatar dan India menerima anugerah berkenaan yang disampaikan Pengarah Sharjah Free Zone Authority, Emiriah

Arab Bersatu, Dr Rashid Alleem.

Penerima lain ialah Menteri Pendidikan Namibia, Dr David Namwandi; Naib Canselor Sultan Qaboos University, Oman, Dr Ali Al-Bemani; Pensyarah Pakar Kejuruteraan Petroleum, Texas A&M University, Qatar, Dr Mohamed Aggour dan Pengerusi Development Alternatives Group, India, Dr Ashok Khosla.

Anugerah bertujuan mengiktiraf pencapaian individu dan organisasi yang memberi sumbangan besar kepada pembangunan pendidikan di negara masing-masing.